As the Chinese government continues to exert pressure on democratic governance and retaliates angrily over growing global sanctions, pray for the Hong Kong Church to be strong as they speak out in wisdom against the loss of democratic freedoms and the erosion of human rights. Pray for the Chinese Church to endure by God's grace in the face of growing persecution as they go through this refining fire.

9. SPONTANEOUS PRAYERS

Open your heart to be led by the Holy Spirit on other matters that He has for you in this Easter season of encountering the risen Christ, for our nation and also for other needs weighing on your heart at this time.

YIELD

In this Easter Season, may we like the disciples on Emmaus Road, encounter our Lord Jesus Christ and feel that burning in our hearts to love Him more. Pray we will recognise Him, celebrate the joy of knowing Him, and yield fully to our Heavenly Father's will for our lives, that we will be a blessing in our homes and in our nation.

CLOSING PRAYER PROCLAIMING HIS KINGDOM COME – THE LORD'S PRAYER *Matthew 6:9-13*^{ESV}

Our Father in heaven, hallowed be Your name; Your Kingdom come, Your will be done, on earth as it is in heaven. Give us today our daily bread. And forgive us our debts, as we also have forgiven our debtors. And lead us not into temptation, but deliver us from the evil one. For Yours is the kingdom and the power and the glory forever. AMEN.

DECLARE TOGETHER *Romans 8:31-39*^{ESV}

What, then, shall we say in response to these things? If God is for us, who can be against us? He who did not spare his own Son, but gave him up for us all—how will he not also, along with him, graciously give us all things? Who will bring any charge against those whom God has chosen? It is God who justifies. Who then is the one who condemns? No one. Christ Jesus who died—more than that, who was raised to life—is at the right hand of God and is also interceding for us. Who shall separate us from the love of Christ? Shall trouble or hardship or persecution or famine or nakedness or danger or sword? As it is written: “For your sake we face death all day long; we are considered as sheep to be slaughtered.” No, in all these things we are more than conquerors through him who loved us. For I am convinced that neither death nor life, neither angels nor demons, neither the present nor the future, nor any powers, neither height nor depth, nor anything else in all creation, will be able to separate us from the love of God that is in Christ Jesus our Lord.

BE STILL DELIBERATELY PAUSE FOR A MOMENT, breathe deeply, thank God for His presence and release into His hands all that you have prayed.

A SUGGESTED CLOSING SONG: CHRIST AROSE

[V1] Low in the grave He lay
Jesus my Saviour!
Waiting the coming day
Jesus my Lord!

[C] Up from the grave He arose
With a mighty triumph o'er His foes
He arose a Victor from the dark domain
And He lives forever
With His saints to reign
He arose! (He arose)
He arose! (He arose)
Hallelujah! Christ arose!

[V2] Vainly they watch His bed
Jesus, my Saviour!
Vainly they seal the dead
Jesus my Lord!

[V3] Death cannot keep Him prey
Jesus, my Saviour!
He tore the bars away
Jesus my Lord!

Link:
<https://www.youtube.com/watch?v=0arouoCJ8es>

PANDUAN DOA MINGGUAN



KRISTUS SUDAH BANGKIT! HALLELUJAH!

Tetapi Yesus berkata kepada mereka, "Apakah sebabnya kamu takut? Mengapakah hatimu ragu-ragu? Tengoklah tangan dan kaki-Ku. Inilah Aku. Sentuhlah Aku dan tengok. Hantu tidak berdagang dan bertulang sebagaimana yang kamu lihat ada pada-Ku." Setelah Dia berkata demikian, Dia menunjukkan tangan dan kaki-Nya kepada mereka. Mereka masih tidak dapat percaya kerana terlalu gembira dan takjub. Yesus pun bertanya kepada mereka, "Adakah kamu mempunyai makanan di sini?" Mereka memberi Dia sepotong ikan yang telah dimasak, lalu Dia mengambilnya dan makan di hadapan mereka semua. - Lukas 24:38-43^{AVB}

Kebangkitan Yesus itu memang penting kerana jika Yesus tidak bangkit, kita memang orang yang tiada harapan. Hantu ataupun roh tidak makan ikan! Tetapi Yesus Kristus bangkit dari maut, dan kuasa dosa dan maut dihancurkan untuk selama-lamanya. Pada hari ini, kuasa hidup yang kekal ini diberikan kepada sesiapa yang percaya pada Anak Allah. Hallelujah! KRISTUS TELAH BANGKIT, KRISTUS MEMANG BANGKIT!

Kerajaan Yesus yang "terbalik" memang berbeza, kerana Allah memilih yang bodoh di dunia untuk memalukan yang bijak, dan Allah memilih yang lemah di dunia untuk memalukan yang kuat (1 Korintus 1:27). Walaupun Yesus disalibkan, tetapi ini harus berlaku supaya kemenangan yang kekal dicapai melalui kebangkitan Dia.

Marilah kita bersyukur atas kemenangan Kristus di atas salib! Berterima kasih kerana iman kita berdasarkan Juruselamat yang telah bangkit dan akan kembali untuk memerintah selama-lamanya. Kita mengabdikan diri kepada Juruselamat yang telah bangkit, Dia hidup pada hari ini – dan kita rindu akan hari terakhir di mana Kristus kembali dengan memulihkan segala keadaan; di mana kuasa alam maut dihancurkan, dan tiada lagi air mata dan penderitaan, tetapi penuh dengan sukacita dan perayaan!

Marilah kita menyembah Tuhan Yesus Kristus kita, kerana Allah telah menyanjungkan Dia dan mengurniakan Dia dengan nama di atas segala nama, supaya kepada nama Yesus segala-galanya bertelut, segala isi langit, bumi dan yang di bawah bumi, dan semua lidah mengaku bahawa Yesus Kristus ialah Tuhan, untuk mendatangkan kemuliaan kepada Allah Bapa.

Bersertakan pesanan ini yang penuh dengan harapan, kita diberkati menjadi pengutus Berita Baik yang paling unggul ke seluruh dunia, dunia yang sedang menderita sekarang. Marilah kita terus berusaha dengan sedaya upaya hingga ke hari terakhir.

Terima kasih kerana memakai panduan doa ini yang bermula sewaktu PKP bermula pada Mac 18, 2020. Pada hari ini, panduan doa tersebut terus mengalakkan umat Allah untuk terus berdoa tanpa henti, dalam kesyukuran dan doa syafaat, agar Kerajaan Allah ditubuhkan dan kehendak-Nya dilaksanakan pada waktu yang susah.

Anda dijemput untuk **P-R-A-Y**, iaitu, ***Pause*** (Berhenti sejenak) dan berdiam, ***Rejoice*** (Bersukacita) dengan Mazmur dan ***Reflect*** (Merenung) atas Alkitab. ***Ask*** (Minta) dalam doa syafaat agar Allah bekerja, dan ***Yield*** (Serahkan) kepada kehendak-Nya dalam hidupmu.

FOKUS BULAN INI

Menjadi Seperti Kristus
Mencontohi Kristus agar
barangsiapa yang bertemu
dengan kita akan bersemuka
dengan Kristus melalui teladan
dan perbuatan disertai
pertuturan kita

Doa-untuk-5

Doakan 5 orang untuk bertemu
dengan Kristus, dan semoga kita
menjadi pengutus Berita Baik
Yesus Kristus

Pemulihan Negara

Agar benteng rohani alam maut
serta budaya menyamun
dibinasakan, selama kita
memberkati negara Malaysia

PAUSE BERDIAM, Diamkan diri secara sengaja - Tarik nafas yang dalam, dan alu-alukan hadirat Roh Kudus.

BACA & RENUNGAN Ibrani 1:1-4

DOA PERTAUBATAN

Bapa Syurgawi, ampuni kita kerana tidak memenuhi Imamat Agung Engkau untuk menyebarkan Injil dan menjadikan semua orang murid Engkau. Perintah Engkau melalui Tuhan Yesus Kristus ternyata jelas, dan manusia sejagat tidak boleh menghiraukan penyelamatan sebesar ini. Namun begitu, kita terlalu selesa dengan kehidupan sendiri sehingga tidak menyebarkan Injil secara berani kepada mereka yang memerlukan Berita Baik, iaitu Tuhan Yesus Kristus adalah Juruselamat dunia. Ampunilah kita kerana kita lebih menyayangi diri sendiri dan takut akan maut. Ampuni kita oleh kerana naluri duniawi kita serta sifat mementingkan diri-sendiri, kita tidak sanggup menyangkal diri dan memikul salib setiap hari untuk mengikut Yesus.

Bapa Kudus, dalam belas kasihan Engkau, kuatkan kita dan curahkan Roh Kudus-Mu ke dalam kita, agar kita berani memberitakan Injil kepada semua orang, dan hidup mencontohi Tuhan Yesus Kristus kita. Ya Tuhan Yesus, tolonglah kita berpaling tadah daripada semua godaan duniawi, termasuk kuasa dan kekayaan, agar kita dapat memilih untuk menyangkal diri, dan dikira layak menderita oleh kerana mengikut Engkau. Ajarlah kita mengasihi orang lain secara ikhlas, sebagaimana Engkau mengasihi, dan penuhi kita dengan belas kasihan untuk jutaan nyawa yang masih sesat. Dalam nama Engkau yang berkuasa dan ajaib kita berdoa, AMIN.

REJOICE PENYEMBAHAN

PUJIAN DAN KESYUKURAN

Bapa Syurgawi, kita memuji Engkau kerana mengaturkan detik yang bersejarah ini untuk menyelamatkan dunia! Kita berterima kasih kepada-Mu atas kemenangan di atas salib!

Kita bersyukur kerana iman kita berasaskan Juruselamat yang hidup, dan yang akan kembali untuk memerintah. Kita rindu akan hari terakhir di mana Kristus kembali dengan memulihkan segala keadaan; di mana kuasa alam maut dihancurkan, dan tiada lagi air mata dan penderitaan, tetapi penuh dengan sukacita dan perayaan!

Kita menyembah-Mu, Tuhan Yesus Kristus, kerana Engkau, ya Allah, telah menyanjungkan Dia dan mengurniakan Dia dengan nama di atas segala nama, supaya kepada nama Yesus segala-galanya bertelut, segala isi langit, bumi dan yang di bawah bumi, dan semua lidah mengaku bahawa Yesus Kristus ialah Tuhan, untuk mendatangkan kemuliaan kepada Allah Bapa.

Terima kasih, Tuhan Yesus Kristus, atas segala kerja Engkau di atas salib dan menghancurkan kuasa alam maut dan dosa! Kemenangan ini menandakan bahawa kerja Engkau sudah selesai!

Kita merayakan hari ini, dalam pengetahuan bahawa Tuhan Yesus Kristus mengasihi kita dengan kasih yang tidak terhingga, merendahkan diri dan mengorbankan segalanya untuk kita. Semoga kita menjadi korban yang hidup dalam mencontohi Tuhan Yesus Kristus kita. AMIN.

CADANGAN LAGU

HANYA KRISTUS HARAPAN KU

Hanya Kristus harapanku,
Dia terang dan kuatku.
Batu penjuru yang teguh,
di kala badai menderu.

Kasih dan damai-Nya besar,
kalahkan takut dan gentar.
Penghiburku, naunganku,
dalam kasih-Nya 'ku teduh.

Hanya Kristus yang bersedia,
turun menjadi manusia.
Datang s'lamatkan umat-Nya,
walau dihina dicerca.

Sampai Dia mati di salib,
menanggung murka Ilahi.
Semua dosaku ditebus.
Kar'na mati-Nya ku hidup.

Dalam hidupku tak sesal,
dalam mati ku tak gentar.
Kuasa-Nya tinggal dalamku,
memandu hingga ajalku.

Tiada yang dapat pisahkan,
'ku dari tangan kasih-Nya.
Hingga Dia panggilku pulang,
dalam kuasa-Nya 'ku teguh.

*Stuart Townend & Keith Getty Copyright ©
2001 Thankyou Music*

Pautan:

https://www.youtube.com/watch?v=J_XgNZscClw

DOA SYAFAAT

ASK BERMINTA Pakailah perkataan diri sendiri sewaktu berdoa sambil berhenti sejenak apabila merenungkan cadangan doa berikut sebagai panduan doa anda yang boleh membantu membina keyakinan diri dalam kehidupan doa peribadi anda – dalam mengejar hadirat Allah, secara peribadi dan secara kumpulan (*Anda bebas memilih perkara doa serta menambah atau menukar perkataan dalam senarai doa ini*).

1. PEMULIHAN NEGARA

- a. **Penyucian Suasana Rohani.** Memandangkan pengisytiharan Proklamasi Darurat dari 12 Januari ke 1 Ogos, 2021, mari kita terus berdoa untuk menyucikan suasana rohani di Malaysia dalam nama Yesus yang berkuasa, kerana hanya Dia yang boleh mengatasi kuasa-kuasa jahat dan membawa terang, harapan dan kesejahteraan SHALOM kepada Malaysia. Doa agar Allah menewaskan setiap kejahatan dalam segala hal-ehwal politik yang rakus akan kuasa dan kekayaan, terutamanya mereka yang tamak kuasa dan ingin mencetuskan perasaan cemas dalam negara melalui bangsa, agama, dan kerabat di-Raja serta mengancam kesihatan orang awam – dengan mengadakan pilihanraya umum untuk kepentingan diri sendiri;
- b. **Sinarkan terang-Nya atas kegelapan di Malaysia.** Untuk membongkarkan segala motif tersembunyi, serta menyebabkan kuasa jahat lari lintang-pukang dalam nama Yesus yang berkuasa. Doa agar kuasa Kristus akan menghancurkan kuasa jahat di merata tempat, di kampung mahupun di bandar, serta menumbangkan sumber kuasa kebencian dan kejahatan di Malaysia;
- c. **Pemulihan ekonomi.** Berdasarkan laporan KWSP, kadar pengangguran Malaysia dijangka akan mencecah 13% di mana 2.4 juta orang sedang menganggur. Doakan agar dasar ekonomi yang berkesan akan ditubuhkan untuk memulihkan ekonomi dan pelbagai sektor perniagaan: pelancongan, perkilangan, perniagaan, dan pelbagai sektor ekonomi lain. Doakan agar para pekerja boleh meyesuaikan dan memperbaiki diri dalam sektor perkilangan. Doakan agar pelaburan antarabangsa akan kembali supaya lebih lagi peluang pekerjaan disediakan, supaya perniagaan syarikat antarabangsa tidak akan menarik diri tetapi terus kekal di Malaysia;
- d. **Mengatasi gejala rasuah dan politik kewangan** yang sentiasa mempengaruhi pilihanraya dan dasar kerajaan, dasar kerajaan, serta hal-ehwal pembelian dan pentadbiran Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC). Doakan agar ahli politik yang jujur akan dilantik;
- e. **Kebertanggungjawaban dan pentadbiran urus baik** Kebertanggungjawaban pada setiap lapisan Kerajaan, terutamanya bermula dari Perdana Menteri ke Kabinet hingga ke penjawat awam, dan para Ahli Parlimen untuk setia kepada pengundi-pengundi mereka;
- f. **Menghentikan penyelewengan wang.** Ini termasuk semua penyaluran dana awam melalui pelbagai institusi seperti GLC untuk sebarang sebab selain daripada memanfaatkan negara dan semua *Rakyat*;
- g. **Kecemerlangan dalam segala hal.** Doakan agar roh yang merosotkan sistem pendidikan, mengurangkan kadar produktiviti kebangsaan serta mengongkang minda rakyat diganti oleh semangat kecemerlangan, agar negara ini akan maju dan makmur, dan tiada satu pun suku, bangsa, dan agama yang ketinggalan.

2. PENYELAMATAN DARIPADA PANDEMIK

- a. **Kebijaksanaan dalam menangani pandemik.** Kita bersyukur kepada Allah atas belas kasihan-Nya yang tidak terhingga. Doakan agar pihak berkuasa akan mengemudikan Malaysia untuk mengatasi pandemik ini dengan selamat, dan tidak ditekan untuk membuka semua sektor ekonomi serentak ataupun terlalu cepat sebelum program imunisasi dilaksanakan dengan sepenuhnya. Doakan agar pihak berkuasa akan membuat keputusan yang betul dalam hal-ehwal merentas negeri memandangkan pelbagai perayaan yang bakal berlaku pada bulan Mei, terutamanya *Hari Raya Puasa, Hari Wesak, Gawai and Kaamatan*;
- b. **Laporan konsisten dan tepat.** Usaha ujian antigen harus diteruskan untuk menjayakan pempuliharaan penularan jangkitan di kalangan komuniti, dan prasangka terhadap vaksin akan berkurangan. Doakan agar laporan harian adalah tepat dan konsisten untuk mengukuhkan kepercayaan di kalangan pihak awam sambil menggalakkan pendaftaran;
- c. **Pelaksanaan program imunisasi yang berjaya.** Doakan agar program imunisasi ini akan berjaya, memandangkan jumlah pendaftaran masih rendah. Doakan agar terdapat bekalan vaksin yang mencukupi walaupun permintaan untuk vaksin Covid-19 pelbagai jenis secara global amat tinggi. Terdapat desas-desus bahawa Fasa 2 program imunisasi ini menjangka melibatkan kebolehan untuk memberi vaksin kepada orang ramai sebanyak 11 kali ganda. Doakan agar pihak awam dapat diberi vaksin tanpa halangan dan dengan selamat, supaya kehidupan dapat bersambung seperti dahulu;
- d. **Keadilan dalam pengagihan vaksin.** Doakan agar semua orang akan dilayan secara adil dalam program imunisasi ini, termasuk pendatang, yang miskin dan ditindas, serta orang yang berada di kawasan pedalaman;
- e. **Berbela kasihan dan adil.** Doakan pihak polis dan penguatkuasa akan berlaku adil dalam segala hal sewaktu menyaman mereka yang melanggar SOP tanpa membezakan antara yang kaya dan berkuasa dengan yang miskin dan biasa;
- f. **Kelesuan memerangi pandemik dan akibatnya.** Doakan agar pihak awam akan tetap mengikuti SOP untuk keselamatan awam, serta mendaftarkan diri untuk menerima vaksin. Doakan pihak awam akan sabar dan tetap bertanggungjawab walaupun sudah keletihan. Tempat awam seperti pusat membeli-belah semakin dikunjungi dengan lebih ramai orang lagi. Doakan agar varian virus ini dapat dibendung;
- g. **Komuniti Kristian menjadi teladan dalam usaha imunisasi.** Doakan agar komuniti Kristian akan menjadi teladan dan tidak menolak usaha imunisasi ini dengan mencontohi seruan "*Kasih sesama sendiri*"; agar Allah akan memberkati semua orang sedangkan kita lakukan apa yang patut dalam pengambilan vaksin. Kita meminta agar Tuhan menyediakan umat-Nya untuk menjangkau dan melayani golongan yang kekurangan pada waktu ini;
- h. **Pemulihan sektor pekerjaan.** Doakan agar ekonomi akan kembali pulih. Doakan perlindungan daripada tekanan dan perasaan putus harapan, serta pertolongan yang wajar diberi kepada pekerja yang terejas, termasuk mereka yang kais pagi, makan pagi, serta pekerja asing; dan,
- i. **Tahap kesediaan pihak kesihatan awam.** Doakan agar pihak pemerintah akan pastikan bahawa negara kita bersedia menghadapi sebarang kecemasan yang akan datang dari segi kesihatan awam, dan tahap kesediaan ini dapat dilaksanakan pada semua lapisan setelah mengalami pengendalian pandemik ini.

3. BERDOA UNTUK KEBENARAN, KEADILAN DAN PERBENARAN

“Sebaliknya, biarlah keadilan bergulung-gulung seperti air dan perbenaran seperti sungai yang selalu mengalir.” – Amos 5:24 AVB

- a. Sistem Perundangan.** Doakan agar Roh Kudus akan bekerja dalam jiwa-jiwa golongan pentadbir dalam Kerajaan – Undang-undang, Pentadbiran dan Kehakiman. Agar Parlimen bersidang semula agar negara dapat ditadbirkan sepanjang darurat dengan berkesan. Untuk pemulihan Malaysia yang bermula dengan asasnya dan tidak lagi mengalami kemerosotan. Kita terus berdoa bahawa keadilan akan ditegakkan dalam semua lapisan kerajaan – dari Jabatan Perdana Menteri ke penjawat awam, termasuk pihak polis, imigresen, dan tentera;
- b. Sistem Kehakiman yang bebas dari sebarang pengaruh.** Agar sistem Kehakiman akan sentiasa menegakkan keadilan untuk semua orang mengikut Perlembagaan negara dan mempertahankan kebebasan semua dengan adil dan sewajarnya kepada semua orang, agar keadilan dilaksanakan, dan membongkarkan gejala rasuah dan ketidakadilan. Kita berterima kasih untuk hakim-hakim yang berani; dan kita terus berdoa agar Allah menolong mereka dalam melaksanakan tanggungjawab mereka dalam mempertahankan keadilan;
- c. Statistik rasmi Kerajaan tidak diubah sesuka hati.** Semoga semua yang bekerja akan sentiasa amanah dalam segala hal, tidak kira sama ada berada dalam perkhidmatan awam mahupun swasta. Bahawa analisa dan laporan statistik akan tepat dan tidak dipengaruhi oleh sebarang pihak hanya kerana ingin menghalalkan dasar kerajaan yang berat sebelah, terutamanya golongan yang sentiasa menghasut dan menjadi batu api sambil membangkitkan hal-ehwal perkauman, dan lain-lain;
- d. Memperbetulkan sebarang Perundangan yang menindaskan orang.** Terutamanya undang-undang yang melanggar hak asasi manusia seperti kebebasan beragama, dan perundangan yang menindaskan orang dari segi kebebasan bersuara serta menyekat kebebasan tersebut;
- e. Mangsa penculikan oleh pihak berkuasa.** Untuk mengingati mangsa yang diculik oleh golongan yang berkuasa: *Pastor Raymond Koh* yang diculik pada February 13th, 2017, *Joshua Hilmy*, *Ruth Sitepu* dan *Amri Che Mat*. Berseru kepada Allah untuk bercampur tangan supaya mereka yang berkuasa akan diberkas dan dihukum;
- f. Mangsa Penerbangan MH370.** Doakan agar pesawat yang hilang ini akan dijumpai supaya semua keluarga yang terjejas oleh kecelakaan ini dapat menerima keadilan dalam mengetahui kesudahan penerbangan ini. Doakan agar negara-negara lain yang terlibat, terutamanya Malaysia, akan terus berusaha mencari pesawat tersebut supaya pihak mangsa akan menerima kebenaran, ketenangan, dan keadilan;
- g. Kebertanggungjawaban Polis.** Dalam sesi Parlimen pada Mac 28, 2017 Kementerian Dalam Negeri memberikan statistik rasmi bahawa terdapat 257 kes kematian di bawah tahanan polis dari 2002 dan 2016. Doakan mereka yang ditahan oleh polis dan banduan akan menerima layanan yang sepatutnya, dan tidak disekat hak-hak asasi mereka sewaktu diberkas. Doakan agar budaya negatif ini akan dibasmikan, dan pihak berkuasa akan memastikan bahawa pihak polis akan bertanggungjawab atas perbuatan yang keji ini, termasuk pendedahan baru-baru ini daripada Ketua Polis Negara tentang gejala rasuah yang melandai setiap lapisan di dalam pasukan Polis DiRaja Malaysia;

12PM HENTI-DAN-BERDOA



1,000,000

Sejuta umat Kristian berhenti sejenak untuk doakan "Doa Bapa Kami" setiap pukul 12 tengah hari

"Ya Bapa kami yang di syurga, sucilah nama-Mu. Datanglah kerajaan-Mu. Terlaksanalah kehendak-Mu di bumi sebagaimana di syurga. Berilah kami makanan untuk hari ini. Ampunkanlah kesalahan kami sebagaimana kami mengampuni mereka yang bersalah terhadap kami. Janganlah biarkan kami tergoda, tetapi selamatkanlah kami daripada yang jahat. Engkaulah yang empunya kerajaan, kekuasaan dan kemuliaan selama-lamanya. Amin."
-Matius 6:9-13 AVB

Mari bangkitkan sejuta orang Kristian untuk doakan **Doa Bapa Kami** pada 12pm setiap hari agar negara ini dipulihkan. Doakan agar kebenaran, perbenaran, dan keadilan kerajaan Allah dapat dilihat di Malaysia. Marilah kita memasang penggera telefon kita pada pukul **12pm** untuk memuji dan mengejar hadirat-Nya.

- h. Penindasan Orang Asli dan Orang Asal.** Kemajuan tanah yang tidak terkawal mengancam tanah adat Orang Asli dan Orang Asal, di mana cara kehidupan tradisional mereka terjejas, ekonomi terbantut, dan pelbagai hak asasi manusia dilanggar oleh kerana kerakusan manusia. Orang Asli dan orang Asal masih menderita kerana ketidakseimbangan ekonomi dan mereka terus dipinggirkan dari segi kemajuan dan pembangunan. Mereka juga tidak dipertahankan dari segi perundangan sewaktu tanah adat mereka dimajukan. Pihak berkuasa harus memperbetulkan kesalahan ini, dan melindungi mereka dari ugutan, keganasan, dan perampasan tanah. Doa kepada Allah untuk golongan yang tertindas ini, serta kebangkitan mereka yang bersuara untuk golongan yang tidak dapat bersuara;
- i. Pendatang, pekerja asing, dan orang pelarian.** Terdapat sekurang-kurangnya 2 juta pekerja asing di Malaysia, di mana mereka membentuk kira-kira 15% jumlah tenaga pekerja secara keseluruhan. Tiada usaha nyata yang dilakukan untuk melindungi kebanyakan pekerja asing ini yang memainkan peranan penting dalam membangunkan ekonomi Malaysia, di mana kegagalan untuk melindungi mereka akan menjejaskan pelbagai industri, perniagaan dan pertanian. Doakan agar lebih ramai orang lagi akan bangkit untuk membela hak-hak pendatang asing haram. Semoga mereka dilindungi daripada penindasan yang lebih serta penganiayaan dari pihak berkuasa;
- j. Dasar yang adil untuk semua bangsa.** Untuk menghapuskan dasar lama hanya kerana kerakusan kuasa berlandaskan dasar politik, agama dan bangsa yang bebal. Doa supaya rancangan untuk mengubah sempadan kawasan dalam hal-ehwal pilihanraya akan gagal. Doakan ahli politik yang tidak amanah dan jujur tidak akan diundi;
- k. Pemulihan Hak-Hak Perlembagaan Dan Perundangan Untuk Kristian Yang Berbahasa Malaysia** Untuk memulihkan kebebasan umat Kristian yang berbahasa Malaysia, di mana 73% daripada mereka berada di Sabah dan Sarawak, dan mereka membentuk 60% daripada umat Kristian di Malaysia. Doakan agar Perjanjian MA63 akan diikuti, di mana hak-hak dan kebebasan tidak disekat. Doakan supaya mereka dapat menjalankan ibadah mereka di seluruh Malaysia tanpa gangguan luar. Baru-baru ini, Mahkamah Tinggi membuat keputusan bahawa ini merangkumi hak umat Kristian untuk memperoleh dan menggunakan perkataan "Allah" dalam semua hal-ehwal keagamaan mereka.

4. GEREJA DAN PEMIMPIN GEREJA – KELUARGA ROHANI KITA

- a. Seruan untuk Bersukacita.** Pada minggu Paskah ini, seruan untuk bersukacita dan menyembah Allah yang Maha Tinggi serta Tuhan Yesus Kristus kita amat bermakna. Puji Tuhan kerana kita boleh merayakan Hari Paskah secara fizikal pada tahun ini, walaupun bilangan perlu dihadkan oleh kerana SOP PKPB. Doakan agar Berita Baik tentang kebangkitan Tuhan Yesus Kristus kita akan diisytiharkan di gereja-gereja serta secara dalam talian, supaya semua yang mendengar akan diberkati oleh penyelamatan yang sempurna ini. **Marilah kita nyatakan** seperti yang tertera dalam Yesaya 55:11, *demikianlah firman yang Kusampaikan: ia tidak akan kembali kepada-Ku dengan sia-sia melainkan akan melaksanakan apa yang Kukehendaki dan berhasil dalam apa yang Kusuruh kepadanya.*
- b. Seruan untuk kekudusan.** 2 Tawarikh 7:13-14 mengingatkan kita bahawa Allah memulihkan setiap bangsa sewaktu umat Allah merendahkan diri, berdoa, mencari wajah-Nya dan berpaling daripada jalan mereka yang jahat. Berdoa supaya Allah menunjukkan di mana kita telah menyimpang, agar kita merendahkan diri, mengakui dosa kita, dan kembali kepada Allah. Memandangkan kegagalan moral pemimpin gereja dan pastor baru-baru ini, marilah kita doakan agar lapisan pemimpin kita akan tetap kudus dalam segala hal dan dilindungi dari semua percubaan. Semoga Allah melindungi para pastor, pemimpin gereja, dan keluarga mereka, kerana mereka akan sentiasa diserang secara rohani agar mereka berputus asa dan domba-domba mereka bertempiran. Doakan bahawa semua mangsa-mangsa kegagalan moral dan skandal ini akan menerima keadilan dan pemulihan;
- c. Seruan untuk Bersatu.** Mari kita berdoa agar Allah menyatukan gereja-gereja serta para pemimpin gereja di Malaysia. Doakan untuk kasih yang menutup banyak dosa, bahawa kita akan mengatasi roh persaingan, dan mengampuni mereka yang bersalah terhadap kita, serta menerima pengampunan daripada orang yang kita telah berdosa akan. *Kita mengingatkan Firman Tuhan dalam Ibrani 12:14 - Berusahalah mendapatkan perdamaian dengan semua orang, serta kesucian; tanpanya tiada sesiapa pun dapat melihat Tuhan.*

- d. Seruan untuk sentiasa bersedia mengkhabarkan Injil.** Doa agar umat Kristian akan mengambil kesempatan pada musim ini untuk mengkhabarkan Injil dengan berani kepada sesiapa yang telah putus harapan sekarang, kerana hanya melalui transformasi jiwa dan hidup seseorang, satu persatu, negara ini boleh berubah dan mengalu-alukan perbenaran pemerintahan Allah. Doakan agar pekerja baru akan bangkit untuk musim menuai ini, kerana ramai yang memerlukan Juruselamat peribadi.
- e. Seruan untuk berjuang atas pihak yang tertindas.** Mintalah daripada Allah kekuatan dan keberanian untuk memperjuangkan isu-isu ketidakadilan dan penindasan atas golongan yang tidak mampu mempertahankan diri. Doa agar terdapat ramai Kristian seperti “William Wilberforce” yang bangkit, di mana mereka mendengar Allah secara terus dan mengalu-alukan perbenaran dalam pemerintahan negara ini. Doakan supaya lebih banyak lagi gereja dan gerakan sivil akan bangkit dan bersatu mempertahankan mereka yang miskin dan ditindas;
- f. Seruan untuk melayan masyarakat.** Umat Kristian tidak harus berasa takut dijangkiti Covid-19 dan berhenti melayan, tetapi tampil ke depan dalam iman untuk membawa harapan sewaktu melayani masyarakat dengan penuh belas kasihan. Doakan agar umat Kristian akan menjadi teladan untuk menerima vaksin diri sendiri sambil menyaut seruan Allah untuk “mengasihi sesama sendiri”. Setelah menerima vaksin, kita bebas menjangkau dan melayani mereka yang berada di sekeliling kita. Doakan agar umat Kristian akan mencontohi tokoh iman pada zaman gereja awal, di mana mereka melayani masyarakat dengan penuh kasih tanpa sebarang ketakutan akan kematian di tengah-tengah wabak dahulu;
- g. Seruan untuk kembali ke Kristus.** Doakan agar kita akan berakar dalam Tuhan Yesus Kristus kita, dan peka kepada pimpinan Roh Kudus agar kita boleh melayani orang lain sebagai bejana Allah untuk memperluaskan kerajaan-Nya. Doakan agar kita akan mendalami Firman Tuhan, dan seperti Maria, menikmati saat-saat teduh dengan Dia. Doa bahawa kita akan menjadi orang yang dikenali kerana kasih kita terhadap Dia, oleh kerana kita mengejar Dia dan bukan untuk memenuhi kehendak peribadi. Semoga kita mengejar hadirat Allah Maha Kuasa yang mengabulkan doa kita. Doakan agar kita akan berusaha mengenal Dia yang mengasihi kita dari dahulu dengan bersungguh-sungguh;
- h. Seruan untuk sentiasa bersedia** Doakan kebijaksanaan di kalangan pemimpin dan pekerja gereja agar mereka sentiasa bersedia melayani di tengah-tengah masa yang tidak tentu ini, termasuk kesediaan untuk memulakan ibadahnya secara fizikal sekali lagi serta memenuhi keperluan rohani dari segi ibadahnya dalam talian.

5. DOA UNTUK MENGENALI YESUS KRISTUS

- a. Doa-untuk-5.** Doakan 5 orang setiap hari, termasuk keluarga dan rakan-rakan, agar mereka mengenali Yesus Kristus dan kasih-Nya dan menerima penyelamatan. Tuliskan nama dan doakan mereka SETIAP HARI tanpa berputus asa;
- b. Menyediakan hati.** Doakan agar Roh Kudus akan menyediakan hati mereka, membuka telinga dan mata mereka untuk melihat dan mendengar. Doa agar benih yang ditabur akan berakar dan bertumbuh dalam tanah subur, agar mereka akan berhasil. Doa untuk perlindungan daripada serangan Si Jahat yang cuba mencuri Berita Baik yang ditanam di dalam hati mereka. Doakan agar masalah dunia tidak akan menyebabkan mereka menyangkal Yesus;
- c. Keberanian untuk perkhabaran.** Doakan agar kita sendiri akan dipenuhi kebijaksanaan untuk menyampaikan Berita Baik dengan berani kepada sesiapa yang ingin tahu. Doa agar Roh Kudus akan memakai kita sebagai alat-Nya untuk menabur benih iman di mana juga kita berada, terutamanya kepada keluarga dan rakan-rakan;

DOA-UNTUK-5

Doakan **5 orang** setiap hari, termasuk keluarga dan rakan-rakan, agar mereka mengenali Yesus Kristus dan kasih-Nya

Membaharui Ikrar Untuk Doakan Mereka Yang Sesat

BERDOA SUPAYA ORANG LAIN MENGENALI YESUS MERUPAKAN SALAH SATU PERKARA BESAR YANG KAMI BOLEH LAKUKAN. DOA TANPA HENTI UNTUK GOLONGAN SESAT BOLEH MEMBAWA PERUBAHAN KE DALAM KEHIDUPAN MEREKA. BERDOA SECARA BERTUTUWAL MEMERLUKAN DISIPLIN, DAN TERDAPAT PELBAGAI CARA DI MANA KAMI BOLEH MEMUPUK TABIAT TERSEBUT.

BERDOA UNTUK 5 ORANG

Pilih 5 kenalan anda dan berdoa untuk penyelamatan mereka setiap hari.

MEMBUAT KOMITMEN

Jika anda tidak pernah berdoa, sekarang tiba waktunya berikrar dan berdoa untuk mereka yang sesat. Jika anda pernah berikrar sedemikian dahulu, perbaharui ikrar anda dan minta Allah untuk membuka jalan supaya anda dapat kongsi Injil.

KHASKAN WAKTU UNTUK BERDOA

Pasangkan penggers supaya anda dilingati berdoa setiap hari untuk golongan yang sesat agar mereka diberi peluang menerima penyelamatan daripada Yesus Kristus.

DOAKAN 2 BANGSA BERLAINAN

Pilih 2 bangsa yang tidak pernah dijangkau agar anda boleh berdoa setiap hari untuk kecermerlangan rohani berlaku di kalangan mereka, di mana mereka menerima Injil yang memberi harapan dan keselamatan.

11

- d. **Kasih dan belas kasihan.** Doa supaya kita mempunyai kasih dan belas kasihan untuk mereka yang sesat. Semoga kita peka terhadap peluang untuk mendoakan orang yang tidak dikenali, bernubuat, dan membawa pemulihan serta kesembuhan, agar mereka sedar bahawa ini perjumpaan yang luarbiasa, dan mereka akan menerima penyelamatan setelah mendengar Berita Baik;
- e. **Peluang untuk berkongsi.** Doakan agar Roh Kudus memberi anda peluang untuk menyebarkan Injil kepada sesiapa yang bersedia menerimanya. Doa agar kita tidak akan malu oleh kerana Kristus, tetapi bersedia untuk mengisytiharkan Dia pada setiap waktu, dan dipakai sebagai bejana Allah untuk memberkati ramai orang, kerana alangkah indahnya melihat kaki mereka yang membawa Berita Baik! Mintalah kekuatan dan keberanian daripada Allah dalam melakukan demikian.

6. DOA UNTUK KELUARGA

- a. **Perlindungan Allah atas keluarga kita.** Lindungi mereka daripada virus Covid-19 dan segala malapetaka. Sila lindungi kita dari yang jahat serta dugaan yang mungkin mempengaruhi nafsu kita;
- b. **Agar keluarga Kristian menjadi tempat teduh yang membawa berkat, hiburan, kesejahteraan dan kasih.** Doakan agar keluarga Kristian akan sentiasa murah hati, agar kita dapat meraikan jiran, rakan-rakan dan orang asing – dan juga mungkin meraikan para malaikat tanpa disedari!
- c. **Agar ibubapa memenuhi tanggungjawab mereka.** Doakan agar ibubapa akan memenuhi tanggungjawab mereka dalam membimbing anak mereka dalam hal rohani, supaya mereka membesar dalam iman dan patuh kepada Allah Maha Kuasa. Semoga ibubapa takut akan Allah, menjadi teladan yang bagus dalam segala hal rohani, juga menjadi terang dan garam dalam pemikiran, perbuatan dan pertuturan, dan setia kepada Tuhan dalam segala hal;
- d. **Berkat untuk ahli keluarga.** Sila pelihara ahli keluarga kita dengan kesejahteraan Engkau. Kita berdoa agar Engkau memelihara hati dan minda mereka daripada kerisauan, kebencian, kemarahan, ataupun kekecewaan, tetapi dipenuhi oleh kebijaksanaan dan Roh Kudus. Semoga kita bersatu dalam talian kasih walaupun terpisah buat masa ini, agar kita dapat bertemu semula selepas sekatan perjalanan dihentikan. Doakan ahli keluarga kita yang masih belum mengenal Yesus, bahawa pada musim pandemik dan bersendirian ini, mereka boleh mengalami kasih Kristus dan menerima penyelamatan;
- e. **Kekuatan dan rahmat untuk ibubapa tunggal.** Kebanyakan daripada ibubapa tunggal hidup bersendirian, mengalami tekanan yang teruk dan kemurungan oleh kerana dibebankan tanggungjawab yang lebih. Kita berdoa agar Engkau memberkati mereka dengan berlimpah-limpah, agar rahmat dan kekuatan-Mu menyelubungi mereka sewaktu mereka berhadapan dengan pelbagai tanggungjawab seperti bekerja dari rumah ataupun sedang mencari kerja, belajar bagaimana mendidik anak-anak dari rumah, serta memastikan bahawa tiada seorang anak pun yang lapar setiap hari. Kita berdoa agar mereka tidak akan malu untuk minta pertolongan. Kita berdoa agar Engkau memelihara mereka dengan dorongan dan pertolongan secara praktikal dari rakan-rakan seiman;
- f. **Mereka yang seiman.** Kita berdoa agar Engkau akan membangkitkan umat-Mu, yakni Tubuh Kristus, untuk memenuhi keperluan keluarga yang mendesak ini secara praktikal – mahupun mereka yatim piatu, dewasa bujang, yang sudah bercerai, ataupun ibubapa tunggal, serta mendukung mereka dalam doa. Kita doa agar mereka akan menerima pemulihan dan pengampunan dalam hidup masing-masing, serta menikmati masa untuk berehat dan bersukacita dalam hadirat-Mu.

7. DOAKAN MEREKA YANG MEMERLUKAN PENGHIBURAN

- a. **Golongan sakit dan sedang berkabung.** Kita doakan mereka yang sakit serta yang telah mengalami kematian ataupun penyakit baru-baru ini. Semoga mereka berharap pada-Mu untuk kekuatan dan penghiburan, sedangkan ada yang masih rindu akan orang yang dikasihi dalam peringatan mereka. Sila pulihkan mereka dengan kekuatan dan harapan-Mu. Kita juga berterima kasih atas mereka yang telah mengalami penyembuhan oleh kerana Engkau menjawab doa.
- b. **Ketenangan sewaktu berhadapan dengan pandemik Covid-19.** Pada masa ini yang penuh dengan ketidakpastian, doakan agar semua akan mengalami sejahtera Allah akan memelihara hati dan minda kita, bahawa kita akan mengingati bahawa Allah berada di tengah-tengah kita. Agar kita tidak bimbang akan keselamatan vaksin serta kemujarabannya, tetapi untuk percaya dalam perlindungan Allah sewaktu

kita mengasihi mereka di sekeliling dengan mengambil vaksin dan memakai pelitup muka untuk melindungi semua orang di sekeliling kita;

- c. **Prihatin terhadap orang lain dan memberikan mereka sokongan.** Walaupun kita dinasihati untuk mengamalkan jarak sosial antara satu sama lain, mintalah Allah untuk memberi kita cara baru untuk menjangkau dan menyokong mereka yang perlu dorongan, terutamanya golongan yang telah terjejas dari segi ekonomi, dan kanak-kanak yang sedang kebuluran. Semoga Allah memakai kita sebagai saluran berkat-Nya untuk membawa harapan, penghiburan, kelegaan hati, dan keberanian;
- d. **Kuatkan dan lindungi semua penjaga.** Berkati mereka selama mereka melayan golongan yang sakit dengan penuh kasih sayang dan kesabaran, walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran, tidak kira jika mereka adalah golongan profesional, sukarelawan, ataupun ahli keluarga;
- e. **Golongan mereka yang mengalami penyakit mental.** Semoga Roh Kudus akan menjamah serta menghiburkan mereka yang sedang mengalami kesakitan mental seperti kemurungan, kerisauan, dan lain-lain. Jauhi mereka dari sebarang godaan, dan berikan mereka kesabaran hati sewaktu diuji. Semoga kesihatan mereka dipulihkan dengan sepenuhnya, dan mencari kedamaian dalam Yesus Kristus, supaya mereka terus berbuah untuk Dia sepanjang hidup mereka.

8. BERDOA UNTUK BANGSA

a. Myanmar

Doakan agar Allah akan campur tangan secara luarbiasa memandangkan keganasan semakin meningkat, di mana ia dipercayai bahawa lebih daripada 500 rakyat Myanmar telah mengorbankan nyawa mereka selepas tentera Myanmar merampas kuasa. Doakan agar Gereja di Myanmar akan tetap setia, diberi kebijaksanaan dan keberanian dalam pelayanan, dan secara aman damai bersatu dengan rakyat sewaktu menentang rampasan kuasa yang haram ini.

Doakan agar kuasa akan dikembalikan kepada kerajaan yang dilantik secara demokratik secepat mungkin. Doakan agar Gereja Myanmar akan menjadi terang dan garam di tengah-tengah segala yang berlaku sekarang, menjadi agen perdamaian pada waktu ini di mana seluruh negara memerlukan keamanan dan pemulihan.

b. Hong Kong dan China

Walaupun kerajaan China semakin menghakis kuasa pemerintahan demokratik Hong Kong sedikit demi sedikit dan marah oleh kerana sekatan global yang berlaku, doakan agar Gereja akan terus kuat dan berani mempertahankan hak asasi manusia dan kebebasan demokratik. Doakan agar Gereja akan terus bertabah dan disempurnakan seperti emas tulen, sewaktu mereka melalui masa yang amat mencabar sekarang.

9. DOA SPONTAN

Biar Roh Kudus memimpin anda untuk mendoakan hal-hal lain yang muncul dalam hati anda pada musim Paskah ini, terutamanya hal yang berkait dengan negara kita, serta hal-hal lain yang membebankan hati anda dalam musim ini.

YIELD MENYERAH DIRI

Sepanjang musim Paskah ini, semoga kita seperti murid-murid Yesus yang menjelajahi jalan ke Emmaus, menemui Tuhan Yesus Kristus kita dan merasai api yang membara di dalam hati masing-masing untuk mengasihi-Nya dengan lebih mendalam lagi. Doakan agar kita dapat mengenali-Nya, dan bersukacita dalam hal tersebut, serta menyerahkan diri kepada kehendak Bapa Syurgawi kita dengan sepenuhnya, agar kita menjadi berkat kepada keluarga dan negara.

DOA PENUTUP MENYATAKAN DATANGNYA KERAJAAN-NYA – DOA BAPA KAMI *Matius 6:9-13* ^{AVB}

“Ya Bapa kami yang di syurga, sucilah nama-Mu. Datanglah kerajaan-Mu. Terlaksanalah kehendak-Mu di bumi sebagaimana di syurga. Berilah kami makanan untuk hari ini. Ampunkanlah kesalahan kami sebagaimana kami mengampuni mereka yang bersalah terhadap kami. Janganlah biarkan kami tergoda, tetapi selamatkanlah kami daripada yang jahat. Engkaulah yang empunya kerajaan, kekuasaan dan kemuliaan selama-lamanya. AMIN.”

NYATAKAN Roma 8:31-39^{AVB} BERSAMA-SAMA

Jadi, apakah yang akan kita katakan sebagai sambutan kepada hal ini? Jika Allah memihak kepada kita, siapa dapat melawan kita? Dia tidak mengecualikan Anak-Nya sendiri, tetapi menyerahkan-Nya untuk kita semua. Oleh itu, tidakkah Dia, bersama Anak-Nya itu, juga akan memberikan segala-galanya kepada kita dengan rela? Siapa yang akan mendakwa orang pilihan Allah? Allah yang memperbenar. Siapakah yang dapat mempersalahkan kita? Kristus Yesus, yang telah mati, bahkan lebih daripada itu, yang telah dibangkitkan, berada di sebelah kanan Allah dan juga berdoa syafaat bagi pihak kita. Siapa yang akan memisahkan kita daripada kasih Kristus? Kekacauan atau kesusahan atau penganiayaan atau kebuluran atau ketelanjangan atau bahaya atau pedang? ASebagaimana tersurat dalam Kitab Suci: "Kerana-Mu kami menghadapi maut sepanjang hari; Kami dianggap sebagai domba untuk disembelih." Tidak! Dalam semua hal ini kita lebih daripada para penakluk melalui Dia yang mengasihi kita. Kerana aku yakin bahawa kematian mahupun kehidupan, para malaikat mahupun para pemerintah, masa kini mahupun masa depan, baik kuasa apa pun, ketinggian mahupun kedalaman, baik apa pun yang lain dalam seluruh ciptaan, tidak akan dapat memisahkan kita daripada kasih Allah yang di dalam Kristus Yesus, Tuhan kita.

BERDIAM SECARA SENGAJA BUAT SEKETIKA bernafas secara mendalam, berterima kasih kepada Allah atas hadirat-Nya, dan serahkan segala suatu yang anda telah doakan kepada-Nya.

**CADANGAN LAGU PENUTUP:
TUHAN BANGKIT BAGIKU**

Di dalam nama Yesus
Aku percaya sungguh
Kemenangan bagianku

Di dalam nama Yesus
Aku kalahkan musuh
Kemenangan jadi milik ku

Tiada gentar dan lemah jiwaku
Ku punya Tuhan yang bangkit bagi ku

Ku bersuka di dalam nama-Mu
Tuhan yang perkasa dan kota bentengku
Ku berjalan di dalam kuasa-Mu
Hanya Kau Yesus, Yesus Tuhan
Bangkit bagi ku

Pautan:
<https://www.youtube.com/watch?v=HRahE3GedeU>